

Usah bermain api, pelihara keharmonian

BAGAI menghela rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan terserak'.

Peribahasa ini bermaksud pekerjaan yang sulit harus dikerjakan dengan hati-hati.

Secara umumnya, khazanah peribahasa ini menggambarkan keadaan dua pihak yang tidak diyalimi atau kedua-duanya mendapat manfaat atas sesuatu keputusan yang dibuat.

Ada satu lagi peribahasa iaitu 'seperti memalu ular dalam benih; ular biar mati, benih jangan rosak' yang membawa maksud bersikap bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Dua peribahasa ini mungkin boleh dikaitkan dengan keadaan di dalam negara ketika ini di mana timbul pelbagai isu yang tidak enak didengar.

Apa yang boleh dilihat, isu yang menjadi bualan di media massa dan media sosial ketika ini adalah mengenai kegelisahan perpaduan antara kaum yang didakwa berpunca daripada pelbagai dasar atau keputusan yang dibuat kerajaan.

Sebagai contoh adalah mengenai keputusan kerajaan dalam isu tulisan khat yang akan dimasukkan dalam buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat pada tahun 2020.

Pada awalnya, kerajaan membuat keputusan tegas dengan pelaksanaan pembelajaran tulisan khat dengan tujuan untuk menerapkan nilai-nilai warisan bahasa Melayu dan identiti negara kepada semua murid.

Bagaimanapun, keputusan tersebut mendapat bantahan daripada dua pertubuhan Cina sehingga kumpulan itu nekad untuk mengadakan perhimpunan bagi membantah penambahan seni khat.

Akhirnya, Kementerian Pendidikan menjelaskan mereka mengambil maklum dengan pelbagai respon dan memberi pilihan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk menentukan sama ada pembelajaran diteruskan atau sebaliknya.

Pensyarah Linguistik Terapan, Psikolinguistik Penterjemahan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. S. Vijayaletchumy berkata, stigma mengatakan pelaksanaan pembelajaran tulisan itu sebagai usaha memelayukan kaum lain merupakan satu tanggapan yang salah.

Beliau yang merupakan salah seorang panel pakar bahasa yang bekerjasama dengan kerajaan dalam pelaksanaan pembelajaran itu menjelaskan, masyarakat perlu memahami dengan jelas bahawa

Di Sebalik Isu Panas

Bersama
MÜHAMAD TARMIZIE
MOHD. NOR

Stigma mengatakan pelaksanaan pembelajaran tulisan khat sebagai usaha memelayukan kaum lain merupakan satu tanggapan yang salah

tujuan tulisan khat adalah untuk membantu murid menguasai subjek itu sendiri.

"Tulisan khat merupakan aspek seni bahasa yang tidak dinilai di dalam pencapaian murid, namun elemen tatabahasa yang dimasukkan dalam pembelajaran itu secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada murid itu sendiri," katanya.

Dalam kes ini, penulis berpandangan tiada isu yang patut ditimbulkan kerana tulisan khat hanyalah satu daripada seni tulisan kaligrafi sama seperti kaligrafi Cina dan India.

Namun sehingga kini, bantahan mengenainya masih kedengaran terutamanya daripada segelintir pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan kerajaan dan mendangkan pelbagai alasan untuk tidak membenarkan pembelajaran tulisan khat dalam tiga muka surat di dalam buku teks tersebut.

Persoalannya, mengapa bantahan tersebut masih berlaku sedangkan kerajaan telah 'mengalah' dengan memberikan pilihan kepada PIBG

untuk menentukan pelaksanaannya.

Hakikatnya, isu tulisan khat tidak sepertutnya dijadikan modal politik atau perkara untuk menakut-nakutkan kaum lain kerana ia merupakan tulisan rasmi Tanah Melayu atau Malaysia sejak berkurun lamanya.

Ia merupakan khazanah negara dan sepertutnya dipertahankan oleh semua rakyat Malaysia.

Kita sebagai rakyat Malaysia yang sudah merdeka lebih daripada 60 tahun ini perlu berlapang dada dalam isu ini dan tidak perlu lagi memainkan sentimen yang boleh mengguris hati mana-mana pihak.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong berkata, rakyat Malaysia sepertutnya berbangga mempelajari tulisan khat tersebut memandangkan bahasa Melayu merupakan satu-satunya bahasa di dunia yang mempunyai dua sistem tulisan iaitu rumi dan jawi.

"Fakta ini menjadikan tulisan jawi sebenarnya penting untuk dipelajari bahkan bahasa Inggeris pun tidak mempunyai sistem tulisan seperti bahasa Melayu.

"Tulisan jawi merupakan sebahagian daripada identiti nasional kita, sepertutnya kita menguasainya," katanya.

Ujar beliau, hasrat murni kerajaan untuk mengangkat martabat tulisan jawi tidak wajar dipertikai dan disalah erti oleh kaum lain.

Kesimpulannya, jangan pula kita sebagai rakyat Malaysia yang cintakan kepada negara ini berani merosakkan keharmonian antara kaum dan agama yang telah terjalin baik sekian lama.

Fikir dulu sebelum bertindak, Kita pencorak masa depan negara.